

KELESTARIAN PEMBANGUNAN SOSIOBUDAYA KOMUNITI ORANG ASLI

Siti Aminah binti Mohd Sam¹ & Seow Ta Wee²

Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)
86400 Parit Raja, Batu Pahat,
Johor.

mimie_twinster89@yahoo.com.my¹
tawee@uthm.edu.my²

ISU

Usaha pembangunan dan pemodenan negara memberi perubahan kepada sosiobudaya Komuniti Orang Asli.

ABSTRAK

Kesan daripada pembangunan dan pemodenan yang dilakukan oleh pihak kerajaan telah mewujudkan perubahan kepada aspek corak hidup terhadap komuniti Orang Asli. Objektif utama kertas kerja ini adalah untuk menerangkan kerangka teori bagi mencapai kelestarian komuniti. Kertas kerja ini adalah kupasan literatur mengenai kerangka teori kajian yang tertumpu kepada kelestarian sosiobudaya komuniti Orang Asli. Dalam kerangka teori ini akan membincangkan isu dan permasalahan tentang perubahan sosiobudaya atau amalan tradisi dari aspek adat resam dan ritual, pantang larang, pandang dunia, makanan, perubatan, bahasa, pakaian, rekreasi, kesenian, pendidikan dan agama iaitu suatu aktiviti yang dilakukan dalam kehidupan sehari-hari mereka. Hasil kajian dijangka dapat memastikan kelestarian agar budaya dan corak hidup mereka tidak terhakis dan sejauhmaka mereka beradaptasi dengan perubahan budaya tersebut.

Kata kunci : Orang Asli, Corak Hidup, Pembangunan, Kelestarian.

PENGENALAN

Masyarakat Orang Asli mengandungi 3 buah rumpun bangsa yang terbentuk daripada 19 buah suku kaum. Setiap suku kaum adalah sebuah entiti etnik yang tersendiri dan kaya dengan budaya masing-masing. Mereka wujud sebagai sebuah masyarakat yang justeru dibendung teguh oleh adat dan nilai yang diwarisi daripada generasi dahulu (Juli Edo, nd.).

Setiap masyarakat mempunyai ciri-ciri budaya sendiri yang menjadi lambang identiti mereka. Pembentukan budaya sesuatu masyarakat dibentuk berdasarkan keperluan dan persekitaran semulajadi. Walaubagaimanapun sesuatu budaya yang menjadi amalan masyarakat akan mengalami proses akulterasi dan asimilasi sehingga akhirnya menyebabkan perubahan berlaku. Oleh itu, setiap masyarakat dan kebudayaan pasti akan mengalami perubahan. Contohnya perubahan terhadap sistem demografi, sistem ekonomi, sistem politik, sistem kepercayaan dan lain-lain lagi. Secara umumnya maksud perubahan di sini ialah apabila sesuatu kumpulan manusia itu telah menjalankan sesuatu aktiviti kehidupan yang berbeza daripada yang telah dilakukan oleh generasi sebelumnya (Rohana Yusof, 2010).

Proses transformasi yang melanda kawasan perkampungan Orang Asli seringkali dijadikan

isu perdebatan dalam usaha ke arah mencapai kesejahteraan manusia sejagat. Hal ini kerana proses tersebut mampu memberi impak positif dan juga negatif kepada Orang Asli termasuklah dari aspek sosiobudaya mereka. Aspek sosiobudaya tersebut termasuklah berkenaan dengan adat resam dan ritual, pantang larang, makanan, hubungan sosial dan identiti dan simbol (Mustaffa Omar, 2009).

Tradisi dan cara hidup komuniti berterusan diancam oleh tekanan pembangunan negara yang menuju ke arah pemodenan. Aspek tersebut yang membawa nilai-nilai baru dan asing kian menghakim dan menjadi ancaman kehilangan identiti budaya dan warisan. Tambahan lagi sikap komuniti tempatan sendiri yang masih kabur mengenai kepentingan pemeliharaan budaya (Faridatul Akma dan Siti Rasidah, 2005).

Tujuan kertas kerja ini adalah untuk meneliti dan membincangkan isu dan masalah yang dihadapi komuniti Orang Asli daripada pembangunan yang diteliti dari aspek sosiobudaya dan mengenalpasti beberapa mekanisme dalam membantu usaha-usaha konservasi atau pengekalan dan pemuliharaan ke atas sosio kehidupan komuniti ini. Sebagai penduduk asal negara kita, sewajarnya komuniti Orang Asli diberi keistimewaan, kesenian mereka dihargai dan kehidupan dilestarikan.

Justeru itu, kajian ini penting untuk memberi kesedaran tentang betapa keindahan dan keunikan sosiobudaya dan amalan tradisi komuniti ini perlu dikekalkan dan dikawal daripada arus pembangunan.

Rajah 1 menunjukkan kerangka teorikal kelestarian pembangunan sosiobudaya komuniti Orang Asli impak daripada pembangunan. Rajah tersebut menunjukkan isu dan masalah berkaitan yang dihadapi oleh komuniti. Ini menunjukkan bahawa perlunya usaha pengekalan dan pemuliharaan sosio kehidupan agar keunikan budaya mereka tidak terhakis ditelan zaman.

ISU DAN MASALAH

Kajian perubahan budaya Orang Bateq dalam situasi ekopelancongan di Taman Negara oleh Zuriatunfazliah Sahdan, Rosniza Aznie Che Rose dan Habibah Ahmad pada tahun 2009. Teori difusi yang ditonjolkan dalam kajian tersebut adalah berdasarkan Tylor (1871) seperti yang dirujuk oleh Norazit Selat (1993) menjelaskan bahawa perubahan budaya adalah dipengaruhi oleh kemasukan budaya luar. Dalam kajian ini, budaya luar adalah dari pelancong asing. Kemasukan budaya pelancong yang lebih tinggi berbanding

KERANGKA TEORIKAL KELESTARIAN PEMBANGUNAN SOSIOBUDAYA KOMUNITI ORANG ASLI

ISU

Usaha pembangunan dan pemodenan negara memberi perubahan kepada sosiobudaya Komuniti Orang Asli.



MASALAH

- *Masalah difusi budaya dari luar ke dalam menyebabkan masalah pengekalan sosiobudaya.
- *Golongan pemuda tidak berminat mempelajari pengetahuan tradisional.
- *Tidak dirujuk atau dirunding dahulu sebelum sebarang tindakan diambil yang membabitkan kehidupan mereka.




USAHA PENGEKALAN DAN PEMULIHARAAN SOSIOBUDAYA

Budaya

Mengadakan Pameran Kebudayaan Orang Asli.
Penganjuran Program Kebudayaan dan Kesenian Orang Asli
Membina Perkampungan Budaya Orang Asli.
Pandangan Komuniti oleh Pihak Berkaitan.

Pendidikan

Pemeliharaan Pengetahuan Tradisi.
Mendapat Pendedahan Mengenai Warisan dan Pemuliharaan
Memberi Insentif dan galakan.



MATLAMAT

Kelestarian pembangunan sosiobudaya Komuniti Orang Asli

Rajah 1. Kerangka Teorikal Kelestarian Pembangunan Sosiobudaya Komuniti Orang Asli

budaya masyarakat penerima (orang Bateq) menyebabkan proses difusi berlaku. Kajian ini menekankan peranan difusi sebagai suatu proses yang dipilih iaitu sama ada mahu menerima atau menolak kemasukan budaya luar. Dapatkan kajian telah mengenal pasti ciri-ciri budaya yang berubah disebabkan oleh penerimaan masyarakat Bateq terhadap budaya pelancong. Budaya yang mengalami perubahan ialah cara berpakaian orang Bateq. Aspek pakaian mengalami perubahan secara keseluruhan tanpa mengekalkan ciri budaya tradisional. Segelintir golongan muda Bateq juga cenderung meniru gaya pemakaian pelancong. Hal ini menunjukkan proses difusi dalam aspek pemakaian diterima oleh orang Bateq yang membawa kepada perubahan budaya secara positif dan negatif. Oleh itu, kajian ini membuktikan masalah difusi budaya dari luar ke dalam boleh menjadi masalah bagi mengekalkan sosiobudaya mereka.

Menurut (Nor Aseken, 2006) pembangunan yang dibuat untuk negara tetapi memberi kesan kepada komuniti setempat, rancangan pembangunan seperti Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI) merupakan pelan pembangunan yang dibuat oleh kerajaan untuk menjadikan Johor Selatan sebagai kawasan premier. Akibat daripada pengolahan alam sekitar ini secara tidak langsung menyebabkan berlakunya perubahan kepada persekitaran di kawasan sekitar pembangunan termasuklah masyarakat Orang Asli. Apabila persekitaran berubah, masyarakat Orang Asli juga turut terkesan oleh persekitaran tersebut. Ini menyebabkan pelbagai kesan dan perubahan ke atas kehidupan masyarakat Orang Asli seperti persaingan pekerjaan dan masalah sosial.

Dalam kajian merangka strategi pembangunan mapan Komuniti Orang Asli: suatu penilaian tahap kemapanan Komuniti Temiar di Rancangan Pengumpulan Semula (Rps) Legap & Pos Kuala Mu, Daerah Kuala Kangsar, Perak oleh Khairul Hisham Kamarudin pada tahun 2005. Proses transformasi dan integrasi masyarakat pribumi dengan sistem ekonomi moden hari ini telah mula mengakis nilai dan amalan tradisional mereka. Manakala kesan langsung terhadap komuniti pribumi adalah hilangnya identiti asal mereka, mengakis amalan semasa yang berpandukan ilmu pengetahuan tradisi yang selama ini dipertahankan (Gregory, 2003; Pulido dan Bocco, 2003; Thomas, 2003). Situasi ini dapat dilihat di mana golongan pemuda kurang berminat mengetahui dan mempelajari pengetahuan tradisional dalam kalangan generasi komuniti Orang Asli itu sendiri. Suku Jahut yang sudah sebat dengan tempias pembangunan masih tidak melupakan bahan kesenian yang diwariskan oleh nenek moyang mereka iaitu mengukir patung kayu. Tetapi kesenian itu mungkin tidak kekal lama

kerana cuma tinggal seorang sahaja pengukir suku Jahut, iaitu Hassan Majid yang sudah lanjut usia dan kerap uzur. Hal ini kerana tiada generasi baru yang meminati bidang itu. Selain itu, generasi muda dari komuniti Orang Asli pada hari ini juga dilihat semakin melupakan warisan budaya komuniti mereka akibat arus pembangunan dan pmodenan. "Anak-anak muda sekarang lebih suka bergayut dengan telefon canggih dan mahal serta menunggang motosikal ke hulu-hilir sehingga melupai kesenian kaum sendiri," (Utusan, 11 Jun 2012).

Sosiobudaya dan amalan tradisi Orang Asli akan terancam atau semakin kurang diamalkan oleh generasi akan datang apabila tanah dan hutan mereka diambil sewenang-wenangnya untuk tujuan pembangunan. Hutan sangat penting dalam kehidupan sehari-hari Orang Asli kerana di dalamnya terdapat dusun-dusun saka dan sememangnya mereka sudah terikat dengan alam semulajadi yang terdapat di hutan (Ali@Zainal Abidin, 2006). Menurut Hood Salleh kebanyakannya kaum Orang Asli di Semenanjung Orang Asli harus dirujuk atau dirunding dahulu sebelum sebarang tindakan diambil yang membabitkan kehidupan mereka dan hutan rimba di mana mereka mendiami. Mereka merasa tidak puas hati apabila diarah berpindah dari tempat kediaman asal semata-mata untuk pembangunan yang tidak memberi faedah kepada mereka. Tanggapan ramai bahawa kaum Asli di Semenanjung gemar berpindah-randah sebagai adat adalah tidak benar sama sekali. Malahan projek besar yang secara telus dilulus oleh kerajaan negeri dan persekutuan juga menjadi isu walaupun ia berlaku pada masa lampau. Pada tahun 1974 kawasan kediaman mereka telah diambil alih untuk bangunan-bangunan baru UKM dan kerajaan telah menggubal satu Akta pada ketika itu yang mensyaratkan pemindahan mandatori orang asal di kawasan Hulu Langat untuk membangunkan UKM. Orang Asli di situ mendakwa mereka tidak diberi pertimbangan ketika diarah berpindah ke tempat lain. Walaupun diberi pampasan dan perumahan baru, mereka berasa kecil hati kerana kawasan hutan rimba kediaman asal dan mempunyai hubungan rapat dengan kehidupan harian mereka (Saiful Bahri Kamaruddin, 18 Oktober 2012).

LANGKAH PENYELESAIAN PENGEKALAN DAN PEMULIHARAAN SOSIOBUDAYA

Langkah penyelesaian perlu dilakukan oleh pihak yang berkaitan agar kebudayaan Orang Asli yang unik ini dapat dihargai dan dilestarikan warisan budaya nenek moyang mereka. Hal ini kerana, semakin banyak warisan budaya masa lampau yang boleh digali dan dilestarikan, maka sudah semestinya peninggalan budaya tersebut

semakin dihargai. Sebelum negara dan komuniti yang mempunyai kepelbagaian sosiobudaya ini kehilangan warisan dan identiti yang dimiliki, usaha pengekalan dan pemuliharaan yang bersepada hendaklah dilakukan dari peringkat atas lagi. Usaha-usaha ini boleh dilakukan dalam pelbagai cara termasuklah melalui penyertaan secara individu maupun komuniti secara keseluruhannya (Ong Puay Liu et al, 2010). Oleh itu, antara langkah penyelesaian yang difikirkan perlu bagi pengekalan dan pemuliharaan terhadap kepelbagaian sosiobudaya Orang Asli ini adalah dilihat dari aspek budaya dan pendidikan.

Kebudayaan

Setiap suku bangsa mempunyai latar belakang, kepercayaan, adat resam, budaya dan amalan kesihatan yang berbeza. Namun demikian, kebanyakan suku bangsa ini berkefahaman ‘animisme’, iaitu mempunyai kepercayaan kuat kepada kuasa-kuasa ‘ghaib’ dan makhluk halus yang berbentuk binatang. Sosiobudaya Orang Asli adalah merangkumi cara perlantikan penghulu, sistem kekeluargaan seperti merisik, perkahwinan, pertunangan, kelahiran anak, kematian dan perkebumian, cara berubat seperti berjampi/tangkal, pantang larang pada hari perayaan, pantang selepas bersalin, alat muzik tradisional yang digunakan dalam majlis sewang dan untuk tujuan hiburan seperti seruling buluh dan gendang, pemakanan, amalan kesihatan dan bahan perubatan tradisional dengan menggunakan akar dan tumbuh-tumbuhan seperti akar tongkat ali dan kacip fatimah, amalan sosial seperti hubungan dalam keluarga dan hubungan dengan jiran (Pusat Perkembangan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia, 1998).

Komuniti Orang Asli memang kaya dengan adat resam dan budaya kerana lingkungan hidup mereka yang masih berkait rapat dengan alam semulajadi walaupun sudah, memasuki dunia moden. Adat resam dan budaya Orang Asli yang unik, adalah yang berkait rapat dengan makhluk-makhluk alam (Mohd Mizan, nd.). Secara lahiriahnya banyak aspek kehidupan Orang Jakun mempunyai persamaan dengan masyarakat Melayu namun terdapat banyak aspek-aspek lain yang masih kekal disebabkan kepercayaan animisme yang diamalkan (Ali@Zainal Abidin, 2006).

i) Mengadakan Pameran Kebudayaan Orang Asli

Warisan dan adat kebudayaan komuniti Orang Asli yang unik dan menarik perlu menjadi tatapan mata kepada sesiapa yang mengunjungi dan melawatnya. Muzium Negeri boleh dijadikan

sebagai medium tentang perspektif suku etnik Orang Asli yang mendiami sesebuah negeri tersebut. Pelbagai peralatan dari pengenalan kaum hingga ke senjata dan jerat yang dibuat dan dipergunakan untuk kehidupan harian dapat dilihat, diperolehi dan dipelajari.

Oleh hal yang demikian, amalan tradisi komuniti ini, dapat diketahui dan diingati hal ini kerana dikongsi oleh masyarakat. Pihak Jabatan Muzium Negara perlu mengadakah satu pameran khas mengenai Orang Asli. Bagi menghargai dan memberi pengetahuan kepada masyarakat umum tentang aspek kepercayaan dan tradisi Orang Asli yang masih kekal diperlakukan sehingga hari ini. Pameran itu menampilkan pelbagai khazanah berharga yang dapat memberikan gambaran menyeluruh mengenai kehidupan komuniti Orang Asli kepada masyarakat umum.

ii) Penganjuran Program Kebudayaan dan Kesenian Orang Asli

Pihak Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan perlu menganjurkan suatu program berbentuk Festival Kesenian Orang Asli dan Pribumi Malaysia. Hal ini kerana, Orang Asli mempunyai kesenian mereka sendiri, tetapi kurang mendapat publisiti dalam kalangan masyarakat. Tarian Orang Asli mempunyai kaitan rapat dengan kepercayaan kerohanian mereka dan sering digunakan pawang dalam upacara menghubungi dunia roh.

Hal ini kerana, kebudayaan dan kesenian satu legasi atau pewarisan yang perlu dipertahankan dan disanjung. Selain persembahan tarian dan muzik Orang Asli, pengisian festival tersebut perlulah merangkumi pertunjukan kostum, sumpit, penghasilan bakul, anyaman, ukiran, perangkap, peralatan, perhiasan diri, pakaian, alat muzik dan makanan. Festival itu membolehkan pelancong asing mengetahui kesenian masyarakat Orang Asli di negara ini.

iii Membina Perkampungan Budaya Orang Asli

Perkampungan Budaya perlu dibina oleh Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan melalui pihak Kerajaan Negeri di setiap negeri. Hal ini kerana setiap suku etnik Orang Asli di Malaysia mempunyai identiti dan amalan tradisi yang berbeza. Seterusnya dapat berfungsi dalam mengekalkan sosio kehidupan mereka untuk generasi akan datang. Sebagai contoh, Perkampungan Budaya Orang Asli Kaum Mah Meri di Pulau Carey dapat mengetengahkan seni ukiran, anyaman origami selain daripada tarian dan muzik tradisional mereka kepada masyarakat dalam dan luar negara. Ukiran kayu Mah Meri seperti

topeng dan patung sudah tersohor di peringkat antarabangsa sehingga mendapat pengiktirafan Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) (Pertubuhan Berita Nasional Malaysia, 18 Julai 2011).

Dengan adanya kraftangan berkualiti dan unik di pusat itu, ia mampu menarik ketibaan pelancong ke perkampungan itu dengan promosi daripada Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (Kraftangan) dan agensi-agensi kerajaan lain. Komuniti Orang Asli itu juga akan diberi latihan di dalam seni peragaan dan latihan-latihan tertentu bagi menerbitkan muzik, tarian dan taridra (drama yang dipersembahkan dalam bentuk tarian) berasaskan keunikan budaya mereka. Perkampungan ini bermatlamat untuk memelihara warisan seni budaya masyarakat orang Asli bagi memartabatkan nilai kesenian dan kebudayaan masyarakat ini. Perkampungan itu kelak akan menjadi pentas mempromosi dan memperkenalkan budaya dan cara hidup masyarakat orang Asli yang tinggal di negeri ini. Ianya akan dilaksanakan melalui program bengkel dan latihan-latihan seni yang akan diaturkan di perkampungan ini kelak (Pertubuhan Berita Nasional Malaysia, 18 Julai 2011).

iv) Pandangan Komuniti oleh Pihak Berkaitan

Seperti mana suku kaum lain di negara ini, komuniti Orang Asli telah memperlihatkan keupayaan untuk menyesuaikan diri sejarah dengan arus dan cabaran pembangunan yang sedang berlangsung masa kini. Sehubungan itu, pihak perancangan dan agen pembangunan harus sensitif dengan pandangan daripada kalangan warga komuniti ini. Perancangan berasaskan pendekatan *top-down* perlu dikaji semula memandangkan berjaya atau gagalnya sesuatu usaha membangunkan komuniti ini bergantung kepada pertimbangan dan penerimaan kelompok sasaran ini (Mustaffa Omar, 2006).

Dalam kajian Haliza Abdul Rahman (2010), masyarakat peribumi seperti Mah Meri adalah sebahagian daripada pihak yang berkepentingan (*stakeholder*) yang harus dilibatkan secara langsung dalam setiap proses pembangunan yang dirancang dan dijalankan di kawasan mereka. Pendapat dan pandangan mereka wajar dipertimbang dan diambil kira kerana mereka adalah pihak yang akan menerima kesan langsung daripada perlaksanaan sesuatu dasar atau pembangunan yang telah dirancang khususnya di kawasan mereka. Oleh itu, di sini menunjukkan bahawa Orang Asli bukan anti pembangunan, tetapi apa sahaja pembangunan yang melibatkan kawasan mereka seharusnya mendapat pandangan daripada mereka terlebih dahulu.

Pendidikan

Bagi mencapai hasrat pengekalan dan pemuliharaan warisan yang terintegratif khususnya dalam budaya Orang Asli, pendidikan merupakan strategi penting untuk menyebar maklumat, meningkat kesedaran awam dan memperkuuh pengetahuan mengenai warisan yang ingin dipulihara seterusnya dapat menerap rasa nilai sepunya dalam kalangan masyarakat setempat (Ong Puay Liu et al, 2010).

i) Pemeliharaan Pengetahuan Tradisional

Dalam kajian (Gazalba Saleh, nd). Definisi pengetahuan tradisi yang dikemukakan oleh United Nations Sub-Commission on Prevention of Discrimination and Protection of Minorities sebagai berikut: "Sistem pengetahuan, kreatif, inovasi dan ekspresi kebudayaan yang dimiliki atau dikuasai oleh suatu komuniti, masyarakat atau suku bangsa tertentu (*indigenous people*)."

Walaupun begitu, Orang Asli sebenarnya mempunyai pendedahan dan pengetahuan yang tinggi tentang alam sekitar berasaskan pengetahuan empiris dalam dunia lingkungan hidup yang bersifat fungsional. Justeru itu, ia bersifat sains dan gunaan (Hood 2004). Kemahiran ini membantu mereka dalam memenuhi segala keperluan asas. Program Dokumentasi Pengetahuan Tradisional yang dijalankan oleh Pusat Kepelbagai Biologi Sarawak adalah sebagai pemudah cara kepada komuniti pribumi di negeri ini dalam memulihara pengetahuan tradisional mereka melalui rekod dan pendokumentasian yang betul. Usaha-usaha seperti ini dijalankan melalui bengkel-bengkel binaupaya yang membekalkan komuniti-komuniti tempatan dengan kemahiran-kemahiran yang perlu seperti teknik-teknik mendokumentasi, penanaman semula dan pengurusan tumbuh-tumbuhan tempatan yang berguna.

ii) Mendapat Pendedahan Mengenai Warisan dan Pemuliharaan

Komuniti Orang Asli seharusnya mendapat pendedahan betapa pentingnya warisan budaya nenek moyang yang ternyata selama ini terabai, terlantar dan tidak dipedulikan. Hal ini berlaku kerana kurangnya pengetahuan dan pemahaman akan pentingnya warisan budaya (Azizalfarizy, 2012). Sumber geologi, bio dan sosiobudaya yang istimewa dan jarang ditemui di tempat lain dianggap sebagai warisan dan perlu dilindungi dan dipulihara. Maksud warisan adalah alam semulajadi, adat resam, budaya dan sejarah, milikan bersama dan pemeliharaan. Manakala maksud pemuliharaan adalah menjaga alam sekitar, menjaga benda-benda lama dan usaha-usaha berkaitan pengekalan,

pemuliharaan, pemeliharaan, pengawalan dan perlindungan (Ong Puay Liu and et al, 2010).

iii) Memberi Insentif dan galakan

Pihak yang dicadangkan agar memberi insentif atau galakan kepada golongan belia Bateq untuk menjadi pemandu pelancong yang professional. Sebarang program latihan bagi tujuan ini boleh dijalankan secara praktikal, jika mereka tidak berminat terhadap aktiviti pembelajaran yang melibatkan menulis dan membaca (Zuriatunfadzliah Sahdan et al, 2009).

Oleh itu, program seumpama ini harus menerapkan elemen budaya tradisional mereka agar mereka berupaya memberi penerangan kepada pelancong mengenai budaya yang telus dan bukan rekaan semata-mata. Pelbagai kaedah boleh dilakukan untuk menerapkan budaya tradisional mereka. Misalnya, dengan menggiatkan kajian terhadap budaya tradisional mereka dalam masa yang sama melibatkan orang Asli dalam kajian tersebut. Orang Asli yang terlibat harus bertindak sebagai tenaga pengajar kepada golongan muda secara langsung mahupun tidak langsung.

KELESTARIAN PEMBANGUNAN SOSIOBUDAYA KOMUNITI ORANG ASLI

Kelestarian pembangunan sosiobudaya komuniti Orang Asli, memerlukan suatu mekanisme yang lestari agar dapat melestarikan sosiobudaya mereka supaya amalan tradisi mereka dapat dikekalkan dan dipulihara untuk generasi akan datang. Cadangan pembangunan eko-budaya dan memanfaatkan kepakaran penduduk setempat dijangka mampu menghasilkan nilai tambah dan membangkitkan perusahaan membuat kraftangan dan cenderamata oleh masyarakat setempat. Pelbagai aktiviti untuk pelancong juga turut dicadangkan seperti aktiviti kesenian dan kebudayaan, sukan lasak, rekreasi serta penjelajahan rimba bakal membawa satu identiti baru yang tersendiri terhadap komuniti. Hal ini kerana walaupun di sebalik keghairahan negara meniti arus kemodenan, komuniti Orang Asli ini masih terus teguh memelihara warisan dan terus kental mempertahankan tradisi nenek moyang mereka turun temurun.

KESIMPULAN

Apabila isu telah dikenal pasti dan masalah dapat dirungkai maka langkah yang efektif perlu diselidiki untuk pengekalan dan pemuliharaan sosiobudaya dan amalan tradisi komuniti agar berada dalam

keadaan tidak berubah, tetap dan kekal. Tujuannya adalah untuk melestarikan kepelbagaiannya sosio kehidupan dan amalan tradisi komuniti Orang Asli di Malaysia. Oleh itu, usaha penyelesaian perlu dilakukan oleh pihak berkaitan agar generasi akan datang dapat mengetahui, memperoleh dan seterusnya mempelajari kepelbagaiannya sosiobudaya iaitu suatu warisan dan budaya nenek moyang mereka. Seterusnya usaha konservasi yang dinyatakan dapat mencapai matlamat iaitu kelestarian pembangunan sosiobudaya komuniti Orang Asli.

RUJUKAN

- Ahmad Shuib. 2004. *Tourism in Taman Negara Malaysia- Its Contribution as Perceived by Residents of Ulu Tembeling*. Jurnal Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, 47, 37-48.
- Ali@Zainalabidin Syed Mohamed. 2006. *Impak Perwartaan Taman Negara Endau Rompin Dan Penswastaan Rancangan Pengumpulan Semula Terhadap Masyarakat Jakun Di Bekok, Johor*. Projek Penyelidikan. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azizalfarizy. 24 Jun 2012. Melestarikan dan Menjaga Aset Bangsa. Atas Talian : <http://azizalfarizy.wordpress.com/2012/06/24/melestarikan-dan-menjaga-aset-bangsa/> [12 Februari 2013].
- Faridatul Akma Abdul Latif & Siti Rasidah Md Sakip. 2005. *Pengekalan dan Pemuliharaan Lanskap Budaya Kampung Melayu*. Kajian Kes : Kampung Pulau Duyong, Kuala Terengganu. Shah Alam : Universiti Teknologi Mara.
- Firdaus Al-Siddiq Fadzil & Zalina Samadi. 2009. *Penghasilan Model Pembangunan Mapan Untuk Komuniti Kampung Santubong, Sarawak*. Perak : Universiti Teknologi Mara.
- Gazalba Saleh. nd. Upaya Perlindungan Hukum Bagi Pengetahuan Tradisional Di Negara-Negara Berkembang Khususnya Indonesia. Jakarta.
- Haliza Abdul Rahman. 2010. *Penglibatan Masyarakat Peribumi Dalam Isu Berkaitan Persekutaran. Tinjauan Terhadap Suku Mah Meri Di Pulau Carey, Kuala Langat, Selangor*. Pulau Pinang : Universiti Sains Malaysia.
- Hood Salleh. 2004. *Dunia peribumi dan alam sekitar: Langkah ke hadapan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Juli Edo. nd. *Adat Dan Nilai Masyarakat Orang Asli*. Kuala Lumpur : Universiti Malaya.
- Khairul Hisyam Kamarudin. 2005. *Merangka strategi pembangunan mapan komuniti Orang Asli : suatu penilaian tahap kemapanan Komuniti Temiar di Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) Legap & Pos Kuala Mu, Daerah Kuala Kangsar, Perak*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Mizan Mohammad Aslam. nd. *Pembentukan Nilai-Nilai Murni Masyarakat Semai Melalui Konsep Pandang Dunia (World View) : Satu Analisis Awal*. Perlis : Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia.
- Mustaffa Omar, Zanisah Man & Ishak Yussof. *Strategi*

- Tradisional Komuniti Jakun Tasik Chini, Pahang Mengurus Sumber Semulajadi Secara Lestari.* 2011. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mustaffa Omar. 2006. *Pembangunan dan Impak Demografi Ke Atas Komuniti Jakun.* Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Aseken Binti Rosley. 2009. *Kajian Impak Pembangunan Terhadap Komuniti Orang Seletar: Kajian Kes Di Kg. Simpang Arang, Johor Bahru.* Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norazit Selat. 1993. *Konsep Asas Antropologi.* Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ong Puay Liu, Nur Hafizah Yusoff & Sharina Abdul Halim. 2010. *Menjejak Semangat 'Kawi': Langkawi sebagai Geopark.* Akademika : 55-68.
- Pertubuhan Berita Nasional Malaysia. 18 Julai 2011. Perkampungan Budaya Mah Meri Teruskan Kesinambungan Budaya. [10 Februari 2013].
- Pusat Perkembangan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia. 1998. Budaya, *Pantang Larang Dan Amalan Kesihatan Orang Asli.* Kuala Lumpur : Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Ratz, T. 2000. *The Socio-Cultural Impact of Tourism.* Atas Talian : <http://www.ratztamara.com/impacts.pdf>. [20 Januari 2013].
- Rohana Yusof. 2010. *Asas Sains Sosial : Dari Perspektif Sosiologi.* Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Saiful Bahari Kamarudin. 18 Oktober 2012. UKM News Portal. Kaum Asli Perlu Dibawa Berunding Sebelum Sesuatu Projek Melibatkan Kehidupan Mereka Dilaksanakan. Atas Talian : <http://www.ukm.my/news/index.php/ms/berita-penyeleidikan/1229-orang-asli-needed-to-be-consulted-prior-to-development-of-their-forest-habitats-says-ukm-don.html> [10 Februari 2013].
- Sarawak Biodiversity Centre (2012). Dokumentasi Pengetahuan Tradisi. Atas Talian : <http://www.sbc.org.my/index.php/ms/program/dokumentasi-pengetahuan-tradisi> [12 Februari 2013].
- Utusan Online. 11 Jun 2012.
- Yahaya Ibrahim. nd. *Komuniti Melayu Pulau Tioman : Isu dan Cabaran dalam Konteks Pembangunan Pelancongan.* Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zeppel, H. 2003. *Sharing the Country: Ecotourism Policy and Indigenous Peoples in Australia.* Dalam Fennell, D.A. & Dowling, R.K (Ed). *Ecotourism Policy and Planning* (55-71). United Kingdom. CABI Publishing.
- Zuriatunfadzliah Sahdan, Rosniza Aznie Che Rose & Habibah Ahmad. 2009. *Perubahan Budaya Orang Bateq Dalam Situasi Ekopelancongan Di Taman Negara.* Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.